46

268
86/79

CATITAN UNTUK UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN, SEMASA MERESMIKAN PEMBUKAAN MESJID DI KAMPONG KETEREH, KOTA BHARU PADA HARI KHAMIS, 28HB FEBRUARI, 1974 JAM 4.00 PETANG.

(1) Ucapan Alu-aluan. Ucapan terimakasih kepada Jawatankuasa Sambutan kerana menjemput hadir dalam Majlis meresmikan Mesjid. Pembenaan mesjid adalah memboktikan dengan nyata tentang kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Mesjid berharga $60,000.

(2) Mesjid melambangkan keugamaan, iaitu tempat suci untuk membuat ibadat, menghadapi Tuhan. Sikap kita terhadap hidup dan penggunaan mesjid hendaklah disesuaikan dengan keadaan, kerana mesjid adalah satu-satunya rumah Allah yang patut dijaga, dipelihara dan dibersihkan. Menggunakan mesjid bagi meningkatkan semangat takwa kepada Tuhan.

..2

(3) Mesjid lambang memboktikan perpaduan Islam. Merasa bangga kerana Persidangan Islam yang baru berlangsong di Lahore telah dapat menyatukan pemimpin-pemimpin negara Islam untuk menuju kepada perpaduan dan persefahaman berdasarkan konsep Islam. Malaysia memainkan peranan penting. Dalam sejarah moden, belum ada terdapat peristiwa seperti ini dan diharap perpaduan di kalangan negara-negara dan pemimpin Islam akan sentiasa wujud dan diperkukuh bagi menentang anasir-anasir yang meruntuhkan Islam.

(4) Mengambil kesempatan supaya mesjid juga dijadikan sebagai pusat Wakwah Islam kerana dakwah bukan saja perlu bagi orang-orang muallaf, tetapi kita sebagai

orang Islam baka perlu meninggikan pengetahuan dan menegohkan keimanan kita dalam Islam sebagai pegangan hidup.

(5) Rasa sukacita kerana mesjid ini telah dapat dibena dengan begitu indah untuk memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk di kawasan ini. Yakin dengan semangat kesejahteraan Islam kita akan bersatu dan mengenepikan perselisehan faham dalam soal hidup khasnya, mengenai masaalah politik.

(6) Penutup. Merasa bangga dan mengucap tahniah kepada Jawatankuasa Penyelenggara mesjid dan diharap mesjid ini akan

..4

tinggal kekal sebagai rumah ibadat tempat kita memberikan bakti kepada ugama dan bangsa.

---

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
AHO/U

No Siri 592
No Penerimaan 102/79